


Nama :

Kelas :

KATA ARAH

A) Lengkapi teks cerita dengan perkataan yang sesuai.



Siti dan Aina menyertai pertandingan lalulintas.

Siti memandu di hadapan Aina. Aina pula memandu di _____ Siti.

Di sebelah _____ mereka terdapat balai polis. Di sebelah _____ pula terdapat stesen minyak.

Apabila tiba di persimpangan, mereka melihat lampu isyarat. Lampu isyarat berwarna merah terletak di bahagian _____. Lampu isyarat berwarna hijau pula terletak di _____.

Mereka mesti mematuhi lampu isyarat. Akhirnya mereka selamat tiba di garisan penamat.

kanan

atas

belakang

bawah

kiri

- B) Pilih kata arah yang sesuai dan tuliskan jawapan di ruangan yang disediakan.

Aku Jaket Keselamatan



Aku jaket keselamatan. Aku diperbuat daripada kanvas dan span yang bermutu.

Badanku dilengkapi dengan tali pengikat. Tali pengikat itu terdapat di sebelah kiri dan _____ badanku.



Wisel ada pada badanku. Wisel ini digunakan semasa kecemasan. Wisel itu tersemat pada bahagian _____ badanku.

Pantulan cahaya pula ditampal pada bahagian _____ ku.



Pada kebiasaannya, aku diletakkan di _____ kerusi penumpang kapal terbang. Di dalam bot persiaran pula, aku diletakkan di _____ tempat duduk.

- atas
- hadapan
- kanan
- belakang
- bawah